

Newspaper	Berita Harian
Date	30/07/2017B

Terima hakikat Tun Mahathir musuh UMNO

BH-30/7/2017 pg.3

Kangar: Ahli UMNO perlu menerima hakikat Tun Dr Mahathir Mohamad kini musuh parti itu walaupun bekas pemimpin negara itu banyak berjasa kepada negara.

Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Perlis, Datuk Seri Azlan Man, berkata pemimpin itu secara terbuka menyatakan mahu menjatuhkan UMNO yang dipimpinnya

sendiri sebelum ini selama 22 tahun.

"Kita semua tidak pernah melupakan jasanya sepanjang menjadi pemimpin, tetapi beliau kini sudah berubah dengan tindakannya sebagai pengkhianat parti.

Rancang jatuhkan UMNO

"Beliau bekerja keras dan merancang pelbagai strategi untuk menjatuhkan

UMNO dan sebagai ahli kita jangan tenggelam jauh ke dalam emosi dengan jasa terdahulu beliau. Terimalah hakikat dan kebenaran yang beliau kini musuh UMNO," katanya ketika berucap pada Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian Kangar di sini, semalam.

Kelmarin menerusi video ringkas di laman Facebook Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Dr Maha-



Azlan Man

thir menegaskan bahawa beliau sama sekali tidak akan kembali kepada UMNO.

Azlan yang juga Ketua UMNO Bahagian Kangar mengingatkan ahli UMNO di kawasan Parlimen itu untuk bekerja keras bagi memastikan 6,382 pengundi baharu yang didaftarkan di kawasan berkenaan memilih UMNO pada Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14.